PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

16 – 29 Februari 2012

http://www.facebook.com/buletinmutiara
http://www.facebook.com/cmlimguaneng

# Chowrasta dinaiktaraf jadi ikon warisan Pulau Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Sejajar dengan status George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang untuk menaiktaraf Pasar Basah Chowrasta menjadi ikon "*Central Business District*" di sini.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata, projek yang menelan belanja antara RM10 juta hingga RM12 juta itu dapat dilaksanakan kerana Kerajaan Negeri mempunyai lebihan belanjawan selain keuntungan yang diperoleh daripada Majlis Perbadaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).



**NASIR Ahmad.**

"Pembangunan semula Pasar Chowrasta adalah yang pertama dilakukan sejak tahun 1961 (ia ditubuhkan). Penaiktarafan ini merupakan satu lagi kesungguhan pentadbiran Pakatan Rakyat dalam mempromosikan bangunan warisan," ujar beliau pada satu sidang akhbar di Komtar, di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, penaiktarafan tersebut boleh dilakukan bukanlah disebabkan kerajaan tidak berbelanja dari bajet pembangunan seperti didakwa oleh pembangkang di negeri berkenaan.

"(Penjelasan) ini menolak niat jahat UMNO, kononnya, kita (Kerajaan Negeri) boleh belanja (naik taraf Pasar Chowrasta) kerana kita 'tidak berbelanja' (bajet pembangunan)," tegasnya.

Tambah Guan Eng, perbelanjaan pembangunan MPPP pada tahun 2007 sebanyak RM7 juta dan meningkat kepada RM8.9 juta pada tahun 2011. Tahun 2012 menyaksikan pertambahan sebanyak RM24.5 juta lagi. Manakala, keuntungan MPPP bagi tahun 2008 didedah sebanyak RM25,882,209; diikuti 2009 (RM20,182,479) dan 2010 (RM63,268,428).

"Dengan kata lain, perbelanjaan pembangunan telah bertambah lebih tiga kali ganda daripada tahun 2007 hingga ke (tahun) 2012, tetapi, masih mampu mencatatkan keuntungan hasil tahunan (2008 hingga 2009)," jelas beliau.

Pasar Chowrasta merupakan antara pasar basah paling awal dibina di negeri berkenaan. Projek di bawah MPPP tersebut akan dikendalikan arkitek warisan antarabangsa, Laurence Loh. Malah, proses pembinaan pula akan dilakukan secara tender terbuka selepas proses merekabentuk pasar basah itu selesai kelak.

"(Pasar basah) ini adalah GBI (*Green Building Index*) pertama di Malaysia. Sebanyak 240 lot kedai akan dibina, termasuk gerai makanan (18) dan kedai jual barangan (18) di tingkat 1 bangunan pasar tersebut dan ia bakal mampu menampung kira-kira 150 parkir pada satu-satu masa.



**LAKARAN artis rupa bentuk baru Pasar Basah Chowrasta yang bakal dinaiktaraf menjadi ikon *"Central Business District"* berkonsepkan *Green Building Index* iaitu yang pertama di Malaysia.**



**ONG Ai Lin bersama bapanya, Ong Lye Theam, 80.**

"Dengan penaiktarafan ini, nyata membuktikan komitmen Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang prihatin dengan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana (supaya) dapat berniaga dalam keadaan yang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat," jelas Guan Eng.

Sementara itu, tinjauan Buletin Mutiara mendapati bahawa rata-rata peniaga memberi reaksi positif mengenai langkah Kerajaan Negeri menjadikan Chowrasta sebagai salah satu ikon warisan Pulau Pinaang.

Bagi Nasir Ahmad, 46, yang berniaga buku-buku terpakai hampir 20 tahun di tingkat satu pasar tersebut berkata, Chawrasta yang didirikan pada 1960-an mampu menjadi aset warisan di negeri berkenaan sekarang.

"Bangunan ini bernilai kerana usianya cukup lama. Chowrasta memang terkenal bagi pengunjung luar (sama ada) dari Kuala Lumpur hingga (dari) Singapura, salah satunya adalah untuk mencari buku-buku lama yang sudah tidak diterbitkan lagi.

"Pengunjung mungkin akan kembali ke sini jika masalah trafik sesak, parkir terhad, dalam pasar yang gelap serta sunyi ini diselesaikan bersama-sama dengan projek naik taraf yang Kerajaan Negeri buat," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Nada yang sama turut disuarakan oleh Ong Ai Lin, 48, generasi ketiga yang mewarisi perniagaan jeruk dan buah-buahan segar di pasar raya tersebut.

"Sekarang pun, ada warga asing datang di sini (Chowrasta) tapi tak banyak seperti dulu.

"Jeruk di sini terkenal. Pelanggan dari Johor, dari Singapura pun datang beli sebab (harga) jeruk kami sangat murah dan segar-segar untuk dijual di sana (luar negara) dengan harga yang mahal. 150 parkir tak cukup, mesti dibina lebih lagi sebab pengunjung tak suka susah nak membeli belah di sini," ujarnya.

# Apa hikmahnya debat Soi Lek vs Guan Eng?




KETUA Menteri, moderator, Tan Ah Chai (tengah) dan Chua Soi Lek (kanan) di atas pentas debat bertajuk, "Kaum Cina di Persimpangan : Apakah Sistem Dwi-Parti menjadi Sistem Dua-Bangsa".

**DEBAT** di antara dua ahli politik Cina mengenai "Kaum Cina di Persimpangan : Apakah Sistem Dwi-Parti menjadi Sistem Dua-Bangsa?" pada 18 Februari lepas telahpun berlalu.

Pelbagai reaksi dan pendapat didengar. Ada yang mengatakan Ketua Menteri Pulau Pinang merangkap Setiausaha Agung DAP, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng menyerlah pada sesi debat tersebut. Ada yang mengatakan Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek lagi menyerlah berbanding Guan Eng.

Hakikatnya, perdebatan sebegitu sangat sukar dihitung kalah dan menang. Mungkin, kumpulan pemikir MCA *Institute of Strategic Analysis & Policy Research (INSAP) dan Asian Strategy & Leadership Institute* (ASLI) perlu menganjurkan banyak lagi debat yang lebih serius berbanding tajuk pada petang tersebut yang berbunyi, "Kaum Cina Di Persimpangan: Apakah Sistem Dwi-Parti Menjadi Sistem Dua Kaum?"

Secara tuntasnya, debat itu menyerlahkan pendirian Guan Eng dan Soi Lek. Guan Eng dilihat cuba membawa rakyat bersatu-padu menolak politik perkauman, manakala, Soi Lek dilihat sebaliknya.

"Debat televisyen mencipta satu bab yang baru dalam politik demokrasi Malaysia kerana ia merupakan satu sifat penting dalam kemajuan demokrasi.

"Saya berharap mulai hari ini, debat televisyen akan menjadi satu fenomena umum yang lumrah dalam sistem demokrasi Malaysia seperti di Eropah dan Amerika Syarikat," ujar Guan Eng



KETUA Menteri berjabat tangan dengan Chua Soi Lek (kanan) selepas tamatnya sesi perdebatan.

ketika dalam sesi debat di dewan Hotel Berjaya, Kuala Lumpur.

Tetapi, nasihat itu seakan ditolak mentah-mentah oleh Soi Lek. Beliau (Soi Lek) mendakwa bahawa, DAP sejak 8 Mac telahpun berubah dasar politiknya dengan mengamalkan politik kebencian. Tidak cukup dengan itu, beliau turut mendakwa DAP bekerjasama dengan PAS yang mahu melaksakan sebuah negara teokrasi.

Dalam pada itu, Guan Eng berkata, beliau hatta parti-parti komponen Pakatan Rakyat tidak pernah saling memperalat antara satu sama lain, tetapi, mereka masing-masing bersepakat untuk anti kerajaan pusat yang dikaitkan dengan pelbagai dakwaan rasuah.

"Biarpun PAS, PKR atau DAP, kami tidak memperalatkan sesama sendiri, kami hanya bersiap sedia untuk 'diperalatkan' oleh rakyat! Pada masa yang sama, kami bukan anti-Melayu, ataupun anti-bukan Melayu, kami cuma anti-kerajaan yang bergelumang dengan rasuah.

"Dalam BN, UMNO hanya menjaga orang Melayu, MCA hanya menjaga orang Cina, MIC hanya menjaga orang India, Gerakan itu… tak tahulah dia menjaga siapa.. Itulah BN yang 'kamu jaga kaum kamu, saya jaga kaum saya', ini adalah sistem Dua Kaum," tegas beliau.

Nada sebegitu, mungkin mendorong Guan Eng mendesak Soi Lek untuk mendedahkan transkrip terjemahan ucapan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris seperti yang dilakukannya sekarang. Namun, Soi Lek sehingga kini tidak menyahut cabaran berkenaan.

Umumnya, hakikat yang perlu diterima adalah rakyat Malaysia yang menyaksikan siaran langsung lengkap dengan terjemahan Bahasa Melayu di saluran Astro Awani ketika itu adalah lebih ramai berbanding siaran langsung dalam bahasa Mandarin di saluran Astro AEC.

Apakah ini memberi gambaran bahawa rakyat Malaysia termasuk bukan Cina juga sangat berminat dengan perdebatan seumpama itu? Apakah kaum majoriti Melayu di negara ini juga sudah boleh menerima perdebatan secara terbuka seperti itu.

Mungkin sebab itu, Guan Eng dari awal lagi berkata, sebenarnya rakyat terbanyak di negara ini bukanlah berminat untuk mendengar perdebatan antara beliau dan Soi Lek. Tetapi katanya, rakyat berminat untuk mendengar perdebatan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya berpendapat bahawa, apa yang warga Malaysia benar-benar ingin saksikan, adalah debat antara Perdana Menteri Najib dengan Anwar, untuk melihat siapa yang sebenarnya lebih layak menjadi Perdana Menteri," tegas beliau.

Transkrip tejermahan penuh dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris boleh dilayari di *www.penang.gov.my* atau di facebook, cmlimguaneng.

## SINDIR MUTIARA

*Oleh : SAM*



# Guan Eng dedah terperinci tender terbuka Bayan Mutiara



CONTOH kediaman Bayan Mutiara.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng terus mendesak dua pemimpin UMNO supaya meninggalkan arena politik masing-masing sambil mendedahkan secara terperinci mengenai penjualan tanah Bayan Mutiara yang dilakukan secara tender terbuka.

Dua pemimpin berkenaan adalah Pengerusi Perhubungan UMNO Pulau Pinang, Datuk Zainal Abidin Osman dan Ahli Parlimen Kota Belud, Datuk Abdul Rahman Dahlan.

**Fakta** :

Tidak ada sebarang keraguan bahawa penjualan tanah 102.3 ekar di Bayan Mutiara telah dilakukan melalui "Request For Proposal" yang merupakan:

- Tender terbuka yang berdaya saing.
- Dipaparkan dengan jelas di laman-laman web dan suratkhabar; dan
- Diperhatikan oleh Juruukur Bertauliah dan Penilai Berdaftar bebas dan terkemuka iaitu *Raine & Horne International* semasa sesi taklimat yang telah diadakan di Pulau Pinang, KL dan Singapura.

Tawaran yang tertinggi dalam tender terbuka telah dipilih.

Apabila tender dipanggil pada tahun 2010, seramai 37 pihak telah membeli dokumen-dokumen tender pada harga RM3,000 setiap satu. Namun demikian, apabila tender ditutup pada 31 Dis 2010, hanya empat tawaran tender telah diterima, iaitu daripada:

1. *Chia Tai Xing Ye Industrial Development Ltd.*
2. *Ivory Properties Group Berhad (Ivory)*
3. *AG Pearl Sdn. Bhd.* (hilang kelayakan akibat tidak membayar *"earnest deposit"* sebanyak RM1.2 juta)
4. *SP Setia Berhad (SP Setia)*

Tawaran-tawaran tunai yang diterima:

| Tempoh Pembayaran | 3 tahun | 5 tahun | 8 tahun |
|---|---|---|---|
| Ivory Properties | | RM215skp | RM240skp |
| SP Setia | RM180skp | RM210skp | RM225skp |
| Chia Tai Xing Ye | | RM200skp | |

Oleh kerana *Ivory* telah memberi tawaran paling tinggi iaitu RM240skp atau jumlah besar RM1.072 bilion, mereka (*Ivory*) telah dipilih. Kemudian, Kerajaan Negeri telah membuat permintaan lanjutan supaya *Ivory* mengurangkan tempoh bayaran RM240skp daripada lapan tahun kepada lima tahun. Ini telah diterima oleh *Ivory*.

Soal Guan Eng, adakah kedua-dua pemimpin tersebut sudi bersara daripada politik dengan sertamerta memandangkan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang telah membuktikan tanpa sebarang keraguan bahawa penjualan tanah 102.3 ekar di Bayan Mutiara telah dilakukan dengan tender terbuka yang berdaya saing.



**KETUA Menteri menunjukkan bukti bahawa penjualan tanah Bayan Mutiara yang dilakukan secara tender terbuka pada majlis sidang akhbar di Komtar di sini baru-baru ini.**

# HDB Singapura hanya rancang & reka bentuk, kerja pembinaan libatkan kontraktor tempatan

**GEORGE TOWN –** Rakyat Pulau Pinang diingatkan supaya tidak terpengaruh oleh sentimen perkauman pembangkang di sebalik pelantikan perancang perumahan mampu milik paling terbilang di dunia, *Housing Development Board (HDB)* Singapura bagi membina 12,000 unit rumah mampu milik yang berkualiti di Batu Kawan, Seberang Perai Tengah (SPT) di sini.

Ingatan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng itu sebagai respons pendirian UMNO Pulau Pinang mempertikai langkah Kerajaan Negeri kerana tidak melantik rakyat tempatan untuk menguruskan projek mega tersebut.

"Memainkan sentimen anti-Singapura adalah bukan sahaja provokasi perkauman tetapi juga *double-standard* kerana apabila Singapura datang ke (Wilayah Pembangunan) Iskandar, Johor tiada masalah tetapi tidak di Pulau Pinang.

"Taktik ekstremis sedemikian oleh UMNO tidak berkesan di Pulau Pinang kerana rakyat Pulau Pinang menyokong usaha ikhlas Kerajaan Pakatan Rakyat bagi menyediakan rumah mampu milik terbaik untuk golongan miskin di Malaysia," nyatanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, pelantikan HDB Singapura adalah berdasarkan rekod syarikat tersebut di persada dunia.

Malah, tegasnya, HDB Singapura tidak terlibat dalam proses pembinaan, sebaliknya, hanya untuk merancang dan mereka bentuk perumahan mampu milik berkualiti yang terunggul di Malaysia. Manakala, kerja-kerja pembinaan akan diberikan melalui tender terbuka kepada kontraktor-kontraktor tempatan.

# RUMAH MAMPU MILIK IDAMAN PALING BERKUALITI DI MALAYSIA

## oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Berjiwa Rakyat




- **RM500 juta** untuk Tabung Rumah Mampu Milik di Seberang Perai & P.Pinang, peruntukan terbesar antara negeri di Malaysia.
- PDC agensi pelaksana dengan kualiti dan reka bentuk bertaraf antarabangsa.
- Kemudahan: dewan, astaka, padang bola sepak, CCTV, kad pintar dan banyak lagi!
- 11,800 unit akan dibina dengan harga RM72,500 (800 kaki persegi) - RM220,000 (1,000 kaki persegi).

**11,596 unit** rumah kos rendah dan kos sederhana rendah telah dibina Kerajaan Negeri PR menerusi PDC sejak 2008.







Disiar dan dicetak oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang

# KM cadang tambah elaun JKKK tahun depan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**TASEK GELUGOR –** Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng bersedia untuk mencadangkan kenaikan elaun Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) bermula tahun depan dengan syarat mereka yang berkenaan terus tekun memberikan perkhidmatan terbaik dan berkualiti kepada rakyat.

Beliau membuat pengumuman tersebut pada Majlis Penerangan Pembangunan Negeri Pulau Pinang Bahagian Seberang Perai yang disertai kira-kira 800 JKKK meliputi daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS).

"Untuk bajet Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) tahun depan (2013), saya akan cadangkan elaun JKKK naik dengan syarat mutu kerja kita (JKKK) tahun ini mesti lebih baik untuk kepentingan rakyat terbanyak di negeri ini," ujar beliau di Dewan Besar Sungai Dua, di sini baru-baru ini.

Malah, majlis yang sama turut diadakan bagi di bahagian Pulau Pinang sehari selepas penganjuran tersebut.

Setakat ini, elaun bulanan Pengerusi dan Setiausaha JKKK masing-masing adalah sebanyak RM450 dan RM350. Manakala elaun mesyuarat seluruh ahli JKKK adalah sebanyak RM30 bagi setiap kali hadir mesyuarat.

Dalam pada itu, beliau turut menasihatkan JKKK agar terus memberikan perkhidmatan bermutu kepada rakyat tanpa mengira warna kepartian.

"Kalau ahli-ahli UMNO datang untuk mendapatkan faedah daripada program-program sumbangan Kerajaan Negeri pun, kita kena bantu secara amanah kerana Pakatan Rakyat mahu menjadi Kerajaan Negeri untuk semua rakyat tanpa mengira warna kaum atau fahaman politik," ujar beliau.



**BARISAN JKKK, Pegawai Seranta dan Pegawai Penyelaras KADUN Bahagian Seberang Perai berdiri tanda sokongan padu kepada kepimpinan Pakatan Rakyat.**

Beliau berkata kerajaan yang adil dan amanah kepada semua rakyat boleh direalisasikan dengan syarat Kerajaan Negeri yang dipilih serta rakyat bersedia untuk menolak politik perkauman pembangkang Barisan Nasional, khususnya UMNO.

Beliau menyeru JKKK supaya terus mengiatkan agenda penerangan secara langsung kepada rakyat demi mempertahankan Kerajaan Negeri dari difitnah oleh pihak pembangkang.

"Tak ada tuan-puan (JKKK), maka, tak ada lah kami (Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Tak ada kami pun, maka, tak ada lah tuan-puan kerana (pembangkang) UMNO Barisan Nasional tidak akan menyediakan pasukan seperti kita demi membela kepentingan rakyat terbanyak.

"Kita perlu terus turun padang, dekati semua lapisan masyarakat. Guna akhbar (Buletin Mutiara) Kerajaan Negeri ini untuk ambil fakta kerana hanya dengan fakta sahaja, kita boleh menghadapi fitnah mereka (pembangkang)," ujar Guan Eng.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Datuk Mokhtar Mohd. Jait (Pegawai Kewangan Negeri), Phee Boon Poh (Ahli MMK merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu), Ong Kok Fooi (Ahli MMK merangkap ADUN Berapit) dan Maktar Shapee (ADUN Sungai Bakap).

# Festival George Town kembali buat kali ke-3

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILL**

**GEORGE TOWN –** Festival George Town 2012 (*GTF*) kini kembali sempena sambutan tahun keempat pengiktirafan Pulau Pinang sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Festival yang dijadikan acara tahunan itu, bermula 15 Jun sehingga 15 Julai ini bakal menyaksikan pelbagai persembahan dan aktiviti berkaitan seni, kebudayaan dan warisan Pulau Pinang sejak zaman dahulu lagi.

Bagi tahun 2012, *GTF* bakal menjadi acara terbesar menyediakan platform bagi penggiat seni, muzik, opera, teater, filem, fesyen dan kebudayaan sama ada tempatan mahupun luar negara untuk mempersembahkan keunikan lanskap kebudayaan dan warisan dunia.

Menurut Pengarah *GTF*, Joe Sidek, tahun lalu, festival tersebut telah berjaya menarik 190 penggiat seni dan kebudayaan bertaraf antarabangsa seperti Zhang Toi, Ghaffar Pourazar, Yeohlee dan Akram Khan Company.

"Kita mengharapkan sambutan tahun ini lebih meriah lagi. Oleh demikian, kami mengalu-alukan penyertaan para penggiat seni untuk turut serta dalam festival kali ini," ujar Joe Sidek yang turut menyatakan bahawa pihak sekretariat *GTF* telah menerima 50 kertas kerja bagi menyertai penganjuran festival tahun ini.

Tahun lalu, penganjuran festival ini bukan sahaja memberi impak positif terhadap sektor pelancongan, malah, pihak perhotelan turut memperoleh pulangan RM2.17 juta (Julai 2011). Dianggarkan, satu juta pengunjung daripada 42 buah negara menyaksikan dan mengunjungi festival yang diadakan tahun lalu.

Dalam pada itu, pada 12 Februari lalu, *New York Times* telah mengeluarkan sebuah artikel mempromosikan Pulau Pinang, *36 Hours : Penang, Malaysia*, yang berkisarkan tentang perjalanan seorang wartawan, Robyn Eckhardt di Pulau Pinang. Artikel tersebut turut mempromosikan Festival Muzik Sedunia Pulau Pinang yang bakal diadakan pada 30 Mac sehingga 1 April ini. (Artikel penuh sila layari, *http://travel.nytimes.com/2012/02/12/travel/36-hours-penang-malaysia.html?ref=travel*).

Dalam pada itu, *GTF* yang turut mendapat sokongan Kerajaan Negeri juga bakal mempersembahkan Silat: *Heritage for the World*, iaitu persembahan teater muzikal yang menggabungkan pelbagai elemen termasuk seni mempertahankan diri, visual dan muzik tradisional. Pada masa sama, *GTF* kali ini turut mendapat kerjasama Kedutaan Amerika Syarikat dalam mempersembahkan '*Broadway Masterclasses & Gala Perfor-mance*' dan '*Hip Hop Workshops & Showdown*'.

Bagi yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut atau menghantar kertas kerja *GTF*, sila layari laman sesawang *http://www.georgetownfestival.com* atau hubungi talian 04 - 261 6308 atau 016 - 464 4211.

# Bandar selamat, 10 unit lampu solar LED dipasang

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**SUNGAI ARA –** Inisiatif pemasangan 10 tiang lampu solar LED di sekitar kawasan padang Taman Sunway Tunas akan menjadikan taman tersebut sebagai yang pertama di negeri ini memacu konsep Pulau Pinang Bersih dan Hijau.

Ketua Menteri, Y.A.B. Lim Guan Eng berkata, kemudahan lampu solar bernilai RM60,000 dan berkonsepkan mesra alam adalah hasil sumbangan *Sunway Grand Sdn. Bhd.*.

"Ia adalah suatu usaha murni dan merupakan tanggungjawab korporat yang dapat membantu kualiti penduduk setempat sekaligus menerapkan konsep bandar selamat dapat direalisasikan.

"Selain itu, aktiviti-aktiviti tidak sihat juga dapat dicegah dan tahap keselamatan penduduk dapat ditingkatkan," katanya pada Majlis Pelancaran Pemasangan Tiang Lampu Solar LED di padang Sunway Tunas di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, pada 2010 dan 2011, sebanyak empat unit tiang lampu solar LED yang telah dipasang adalah di bawah peruntukkan khas kempen Pulau Pinang Bersih dan Hijau.

"Dengan pertambahan ini, keseluruhannya, sebanyak 14 unit lampu solar LED telah dipasang di negeri ini dengan bersandarkan harapan agar Pulau Pinang bakal menjadi sebuah bandaraya dan negeri paling bersih di Malaysia,"ujar lagi.

Terdahulu, Yang Dipertua MPPP, Ar. Patahiyah Ismail dalam ucapan beliau menyatakan bahawa, dewasa ini terlalu banyak penerokaan kawasan hijau dan pembangunan pesat sehingga meningkatkan pemanasan global yang semakin serius diperkatakan pada peringkat antarabangsa.

"Dengan pemasangan lampu solar LED, diharap dapat mencapai tahap bandar impian kelas pertama memperkenalkan peralatan kurang penggunaan elektrik dan sekaligus menurunkan indeks bacaan pemanasan global," tambahnya.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin dan Pengurus Besar *Sunway Grand Sdn. Bhd*, Tan Hun Beng.



**KETUA Menteri (tengah, berbaju kuning) meninjau salah satu lampu solar LED yang telah disiap dipasang pada Majlis Pelancaran Pemasangan Tiang Lampur Solar LED di padang Sunway Tunas di sini baru-baru ini.**

# Agama tidak wajar dipolitikkan untuk dapat undi rakyat




**DR. Sirajudin Syamsudin (kanan sekali) bersalaman dengan Anwar Ibrahim (dua dari kanan) sambil diperhatikan Mansor Othman (tiga dari kanan), Abdul Malik Abul Kassim (hadapan, dua dari kiri) dan Datuk Abdul Halim Hussain (hadapan, kiri sekali) ketika menerima Tokoh Anugerah Khas sempena Maal Hijrah 1433H pada Persidangan Kesederhanaan Tulen yang diadakan di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Keharmonian antara agama bukan sahaja memberikan suatu tahap penghormatan, malah, ia turut membuatkan seseorang lebih menghormati kepercayaan dan pegangan agama lain.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucaptamanya ketika hadir merasmikan Persidangan Kesederhanaan Tulen 2012 Kerajaan Negeri Pulau Pinang Sempena Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di sini baru-baru ini.

Beliau menambah bahawa kesederhanaan tulen adalah keadilan, kebebasan, kesaksamaan, kebenaran, keinginan mencari ilmu pengetahuan dan keberanian.

"Oleh itu, kita perlu memahami teras keagamaan bukan sahaja agama yang kita amalkan, malah, agama yang diamalkan oleh setiap individu di dunia," katanya.

Dalam persidangan julung kali diadakan itu, Ketua Umum Pimpinan Pusat Muhammadiyah, Indonesia, Profesor Dr. Sirajudin Syamsudin yang hadir memberi ucaptama turut dianugerahkan sebagai Tokoh Anugerah Khas sempena Maal Hijrah 1433H Negeri Pulau Pinang.

Beliau yang merupakan pemegang Ijazah Kedoktoran dalam jurusan '*Interdepartmental Programme in Islamic Studies*' dari UCLA, Amerika Syarikat adalah seorang tokoh Islam peringkat antarabangsa yang memperjuangkan prinsip keadilan, keamanan dan keharmonian dunia. Malah, pada 7 Februari lalu, beliau telah berucap di PBB mewakili umat Islam sedunia sempena Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia.

Hadir sama dalam persidangan tersebut Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus; wakil-wakil ahli Majlis Syura Negeri, wakil-wakil badan bukan kerajaan (NGO) dan wakil-wakil pihak berkuasa tempatan. Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menghadiri persidangan tersebut dan menyampaikan ucapan penangguhan di hadapan kira-kira 200 peserta persidangan.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Persidangan yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Negeri Pulau Pinang, Abdul Malik Abul Kassim berkata bahawa Kerajaan Negeri sentiasa berusaha membentuk keharmonian dalam kalangan rakyatnya selaras dengan tuntutan semua agama yang mengutamakan keharmonian sesama insan.

"Buat permulaan, kita menjemput para ilmuan dan tokoh-tokoh keagamaan untuk sama-sama menyertai persidangan ini. Moga ianya dapat merapatkan jurang perbezaan kefahaman dan mengeratkan toleransi antara kita," katanya.

Turut berucap adalah, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman yang menyeru agar rakyat Pulau Pinang supaya terus mengamalkan sikap toleransi, menghargai kepelbagaian yang wujud dan menghormati perbezaan antara kaum. Hal ini, kerana katanya, hanya melalui toleransi kejayaan dalam mencipta sebuah negara bangsa akan tercapai.

"Wasatiyyah merupakan titik keseimbangan antara dua perkara. Contohnya, antara ketuhanan dan kemanusiaan, antara kerohanian dan zahir, antara fantasi dan realiti. Oleh itu, kita perlu memberi ruang dengan seadilnya tanpa membelakangkan sesuatu hak yang lain," ujarnya.

Sementara itu, bagi perwakilan Persekutuan Kristian Malaysia yang juga mewakili *Malaysian Consultative Council for Christianity, Buddhism, Hinduism and Sikhism (MCCBCHS)*, cawangan Pulau Pinang, Biskop Anthony Selvanayagam, beliau berpendapat bahawa dalam apa jua keadaan elemen keagamaan janganlah dijadikan sebagai senjata politik.

"Jangan politikkan agama untuk mendapat undi rakyat. Kita perlu ada rasa hormat-menghormati dan hindari diskriminasi, maka, kesefahaman akan wujud dan kesederhanaan tulen dapat dicapai," tegas beliau yang menyeru agar hubungan erat dapat dijalinkan walaupun wujud perbezaan agama dan ideologi.

# Bantuan RM500 dan RM100 harus diberi setiap tahun, bukan lima tahun sekali – *Guan Eng*

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

**GEORGE TOWN –** "Bayaran sekali sahaja sebanyak RM500 kepada keluarga-keluarga dengan pendapatan isi rumah kurang daripada RM3,000 sebulan dan bantuan persekolahan RM100 kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah oleh Kerajaan Persekutuan harus diberi setiap tahun dan bukan hanya sebelum pilihan raya untuk membuktikan bahawa program-program tersebut bukan sekadar senjata politik," tegas Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam satu kenyataan akhbar di sini, baru-baru ini.

Menurut beliau, bayaran-bayaran sekali sahaja ini akan menelan belanja kerajaan sebanyak RM1.8 bilion untuk 3.4 juta isi rumah dan RM550 juta untuk 5.5 juta pelajar. Ini bukanlah satu jumlah yang terlalu banyak memandangkan negara kita kerugian berbilion ringgit setiap tahun.

Sebagai contoh, katanya, badan pemerhati kewangan yang berpangkalan di Washington iaitu '*Global Financial Integrity*' (GFI) telah melaporkan bahawa Malaysia telah kehilangan RM1,077 bilion (termasuk wang rasuah) akibat dialirkan secara haram ke luar negara dari tahun 2000 hingga 2009. Ini adalah tambahan kepada skandal RM12 bilion dalam kes Zon Bebas Cukai Port Klang, Skandal RM52 bilion saham bumi dan yang terbaru RM250 juta dalam skandal 'lembu dalam kondo', NFC.

"Daripada membazirkan wang rakyat dengan projek-projek melampau ini, Kerajaan patut memberi bantuan kepada rakyat memerlukannya dalam keadaan semasa yang dilanda inflasi tinggi dan hutang isi rumah melambung.

"Berjuta-juta rakyat Malaysia menghadapi kesusahan terutama sekali dengan kos barangan yang sedang meningkat seperti gula, telur, tarif elektrik, teh tarik dan kopi susu, roti *Gardenia*, cukai perkhidmatan, bawang, milo, nescafe dan semua makanan kegemaran ramai seperti roti canai, *char koey toew* dan nasi kandar makin kecil bahagiannya walaupun harga tetap sama," tambah Ketua Menteri.

Tambah beliau, inflasi yang kian meningkat merupakan masalah serius kerana tahap hutang isi rumah yang tinggi. Laporan Tahunan Bank Negara 2010 telah mendedahkan bahawa hutang isi rumah Malaysia pada akhir 2010 berada di tahap RM581 bilion ataupun 76 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), lantas 'menobatkan' Malaysia sebagai negara dengan hutang isi rumah tertinggi di Asia selepas Korea Selatan.

Tambahan pula, kata Guan Eng, nisbah bayaran hutang isi rumah Malaysia berada di tahap 47.8 peratus pada tahun 2010, atau dalam erti kata lain, setengah daripada pendapatan isi rumah digunakan untuk pembayaran hutang. Biasanya, institusi kewangan tidak akan memberi pinjaman jika jumlah bayaran hutang melebihi satu pertiga pendapatan. Dengan kata lain, Malaysia kian menjadi negara penghutang.

"Selain bantuan kewangan kepada rakyat, Kerajaan Persekutuan juga harus melaksanakan gaji minima. Pun begitu, gaji minima tidak bermakna jika ia tidak dihubungkan secara terus kepada kadar inflasi, seperti yang telah dicadangkan dalam persidangan Kebangsaan DAP awal tahun ini.

"Oleh itu, saya menyeru agar Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Razak membuktikan keikhlasan dan komitmennya untuk membantu rakyat dengan menjadikan bantuan RM500 dan RM100 sebagai program tahunan, lantas membuktikan bahawa beliau bukan sekadar ingin 'membeli' kemenangan dalam pilihan raya," tegas beliau lagi.

# 12,000 unit rumah mampu milik bakal dibina

Oleh : **ZULIANA AZIZ**

**GEORGE TOWN** – Dengan keluasan minima 800 kaki persegi serta harga serendah RM72,500 sehingga RM200,000, sebanyak 12,000 unit rumah mampu milik bakal didirikan di Bandar Cassia, Seberang Perai Tengah (SPT), di sini yang mana fasa pertama dijangka siap dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir pada Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Mampu Milik di sini dalam ucapannya berkata, rumah mampu milik yang bakal didirikan bukan sahaja berkualiti, bahkan turut dilengkapi dengan ciri-ciri mesra penduduk seperti padang bola, ruang rekreasi dan bangunan untuk beribadat yang mampu memberikan kepuasan kepada pemilik rumah kelak.

"Kerajaan Negeri telah membuat keputusan berani dengan melantik pakar perunding antarabangsa yang terbaik iaitu *Surbana International (HDB Singapore)* bagi merekabentuk, membuat perancangan dan pemantauan. Namun, kontraktor yang bakal melaksanakan projek ini akan dilantik melalui tender terbuka di mana keutamaan akan diberikan kepada kontraktor tempatan," ujarnya di sini baru-baru ini.

Kata Guan Eng, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang dimiliki Kerajaan Negeri merupakan ejen pelaksana yang bertanggungjawab membangunkan projek tersebut.

"Penyelenggaraan juga perlu dilakukan dengan cara yang betul. Kerja-kerja penyelenggaraan akan dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi menjamin hasil yang paling berkualiti di Malaysia," tambah beliau.



**KETUA Menteri menunjukkan replika pelan kawasan perumahan mampu milik, Bandar Cassia, Batu Kawan yang bakal dibina di sini.**

Dalam pada itu, aspek hijau turut diutamakan apabila sungai buatan manusia akan diwujudkan di tengah-tengah kawasan perumahan bagi menimbulkan suasana harmoni walaupun tinggal di kawasan bandar.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Ketua Menteri II, Prof. P. Ramasamy, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus, Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Husain, Yang Di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif, ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri serta ketua-ketua jabatan.

## Senamrobik harmoni, gaya hidup sihat



**AKSI Ketua Menteri, Lim Hock Seng (barisan depan, berbaju putih) dan Maimunah Mohd. Sharif (barisan depan, berbaju ungu) pada sesi senamrobik di Taman Kota Tugu Demokrasi, Bagan, SPU baru-baru ini.**

**PULAU PINANG BERSIH, HIJAU & SELAMAT...** Hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang melahirkan masyarat pintar dengan gaya hidup yang sihat diterjemahkan melalui program senamrobik anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Lim Guan Eng, Lim Hock Seng (Exco Kerajaan Negeri) serta Maimunah Mohd. Sharif (Yang DiPertua MPSP) tidak ketinggalan menyertai sesi senamrobik yang diadakan di Taman Kota Tugu Demokrasi, Bagan, Seberang Perai Utara (SPU) baru-baru ini.

Selain menyihatkan badan, inilah cara rakyat Pulau Pinang yang berbilang kaum berinteraksi dan memupuk perpaduan yang harmoni.

Realisasikan cita-cita "Pulau Pinang Bersih, Hijau dan Selamat."

# Pulau Pinang mampu dimajukan sebagai hab halal koridor utara

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN BARU –** Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (Penang International Sport Arena - PISA) gamat dengan kehadiran kira-kira 18,000 pengunjung ekoran penganjuran *Penang International Halal Expo and Conferences 2012* (PIHEC) yang diadakan selama tiga hari berturut-turut bermula 24 Februari sehingga 26 Februari lalu di sini baru-baru ini.

Selain persidangan halal berkisarkan tentang produk penjagaan diri iaitu "*Emerging Concerns of the Global Personal Care and Cosmetic Industry*", buat julung kalinya, persidangan dan ekspo anjuran kali ketiga turut diserikan dengan Konsert Bisikan Hati yang menampilkan kumpulan Hijjaz, Mawi, Ustaz Akhil Hayy dan penampilan istimewa Ustaz Don Daniyal Don Biyajid.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa PIHEC 2012, Abdul Malik Abul Kassim yang juga merangkap Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, PIHEC 2012 telah berjaya menarik lebih dari 160 pempamer yang bukan sahaja menawarkan perkhidmatan logistik halal, malah, turut menawarkan rangkaian penjagaan kulit, kosmetik, produk sejuk beku, produk-produk makanan dan rempah-ratus, perbankan dan kewangan, pelancongan dan hospitaliti serta farmaseutikal yang bukan sahaja suci malah diyakini 'halalan toyibban'.

"Pulau Pinang mempunyai kedudukan yang strategik untuk dimajukan sebagai hab halal bagi Koridor Utara. Selain menawarkan infrastruktur bertaraf global, Pulau Pinang yang turut berhasrat untuk menjadi hab halal serantau turut mempunyai logistik sistematik, rangkaian bekalan maju dan pautan ke pasaran global yang kukuh," ujarnya.



**KETUA Menteri menerima cenderahati berupa matawang dirham daripada salah seorang pempamer perbankan dan kewangan dari Kelantan bersempena penganjuran PIHEC 2012 di sini baru-baru ini.**

Hadir sama Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Abdul Ghani Ahmad; Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Datuk Rosli Jaafar; Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Datuk Seri Hassan Ahmad; Timbalan Mufti, Ustaz Salahuddin Ghazali dan delegasi-delegasi tempatan dari Kedah Darul Aman, Selangor Darul Ehsan dan Kelantan Darul Naim serta delegasi-delegasi antarabangsa dari Indonesia, Iran, Belgium, Thailand dan Pakistan.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng dalam ucapan perasmian beliau menyatakan bahawa dianggarkan sejumlah USD$ 3.0 trilion dapat dijanakan melalui penawaran dan penjualan perkhidmatan dan produk halal di rantau Asia.

"Justeru, Pulau Pinang sekali lagi ingin memimpin dalam merealisasikan visi untuk menjadi hab halal di rantau ini. Kita mempunyai prasarana yang terbaik dan tenaga kerja cekap dan efisien," katanya.

Beliau menambah, statistik jumlah pendaftaran syarikat-syarikat halal di Pulau Pinang telah meningkat 500% sejak 2008 iaitu 55 buah syarikat (2008) kepada 324 buah syarikat (sehingga 31 Januari 2012).

"Selain itu, jumlah pengunjung yang mengunjungi PIHEC juga bertambah saban tahun iaitu dari 9,000 pengujung (2010), ke 16,000 pengujung (2011) dan dianggarkan kira-kira 18,000 pengunjung pada tahun ini," kata Guan Eng.


PERMOHONAN RUMAH KOS RENDAH / SEDERHANA RENDAH

SILA KEMASKINI MAKLUMAT ANDA!

申请廉价屋 / 中廉价屋
请更新您的资料

நடுத்தர/ மலிவு விலை வீடுகளுக்கான விண்ணப்பம்
உங்கள் விபரங்களைப் புதுப்பித்துக்கொள்ளுங்கள்

*Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web http://erumah.penang.gov.my atau Tel : 04-650 5392 / 04-650 5336 Emel : erumah@penang.gov.my*




**MULAI DARI 15 DISEMBER 2011 KE 31 MAC 2012**

***Permohonan sebelum tahun 2008 perlu dikemaskini maklumat. Selepas dikemaskini, baru layak untuk ditawarkan rumah.***

*Borang pengemaskinian PN2 boleh didapati di:*
- *Pejabat Wakil Rakyat*
- *Pejabat Daerah Dan Tanah*
- *Pejabat Rancangan Perumahan*
- *Bahagian Perumahan Tingkat 3 dan 20, Komtar*

**从2011年12月15日至2012年3月31日**

**只有在2008年前申请者需要更新资料，只有在资料更新后才有资格获得献议房屋。**

更新表格(PN2)可在以下地点获得：
- 人民代议士办公室
- 县属办公室
- 政府组屋房屋部办公室
- 光大3楼和20楼房屋部

**15 டிசம்பர் 2011 முதல் 31 மார்ச் 2012 வரை**

2008-ஆம் ஆண்டிற்கு முன்னர் விண்ணப்பித்தவர்கள் விபரங்களைப் புதுப்பிக்க வேண்டும். புதுப்பிக்கப்பட்ட பிறகே வீடுகள் பெற தகுதி பெறுவர்.

விண்ணப்பப் படிவங்கள் (பி.என்.2) இவ்விடங்களில் பெறலாம்:
- மக்கள் பிரதிநிதிகளின் அலுவலகம்
- நில மற்றும் வட்டார அலுவலகம்
- வீடமைப்பு திட்டத்தின் அலுவலகம்
- வீடமைப்புப் பிரிவு 3 மற்றும் 20-ஆம் மாடி, கொம்தார்

# Pembinaan jalan-jalan utama & terowong bawah tanah atasi kesesakan bermula 2015



KETUA Menteri di samping Lim Hock Seng (kanan) ketika ditemui di sidang media berhubung pengumuman pembinaan jalan-jalan utama dan terowong dasar laut bawah tanah Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

**GEORGE TOWN –** Sebanyak 11 buah syarikat kontraktor telah mengemukakan surat kepada Jawatankuasa Pembuka Peti Tender bagi proses pra-kelayakan pembinaan jalan-jalan utama dan terowong dasar laut bawah tanah Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Daripada 11 syarikat tersebut, tujuh daripadanya adalah daripada syarikat tempatan, China (2), Korea (1) dan China-Korea (1). Namun, jumlah syarikat yang menghadiri taklimat pra-kelayakan bagi pembinaan jalan-jalan utama tersebut pada 29 November tahun lalu ialah 48 buah.

Pembinaan jalan-jalan utama dan terowong bawah tanah tersebut bakal melibatkan pintasan *Gurney Drive* ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (4.2 km), pintasan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Bandar Baru Air Itam (4.6 km), Pulau Pinang ke Butterworth (6.5 km) dan cadangan jalan berkembar Jalan Tanjung Bungah ke Teluk Bahang (12km).

Sebelum ini, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng telah mengumumkan mengenai cadangan pembinaan jalan-jalan utama dan terowong bawah tanah yang menghubungkan Pulau Pinang dengan Butterworth bagi mengatasi masalah kesesakan jalan raya di negeri ini.

Katanya, projek pembinaan tersebut bakal dibiayai sendiri oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan pertukaran tanah kepada pemaju bernilai hampir RM8 bilion.

"Projek terowong bawah tanah ini adalah projek Kerajaan Negeri sepenuhnya, bukan Kerajaan Persekutuan. Tidak pernah dijalankan di mana-mana negeri di Malaysia projek seumpama ini," kata Ketua Menteri ketika ditemui di sidang medianya yang diadakan di Komtar, di sini baru-baru ini.

Menurut beliau lagi, jalan-jalan utama yang terlibat bagi projek tersebut membabitkan jalan-jalan utama sedia ada adalah sangat minima. Malah, Kerajaan Negeri turut meminimakan penduduk setempat yang terpaksa berpindah kesan daripada projek yang bakal dijalankan pada 2015 tersebut.

Hadir sama di sidang media tersebut ialah Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut, Keretapi), Lim Hock Seng.



MANSOR Othman menyampaikan cenderahati kepada Sheikh Ismail pada Majlis Perasmian Penutupan Kursus Kecemerlangan Prestasi Kerja Koperasi di Hotel Flamingo, Tanjung Bungah di sini baru-baru ini.

# Kerajaan Negeri serius galak tubuh koperasi tingkat sosio-ekonomi komuniti

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri amat menggalakkan penubuhan koperasi bagi merancak dan meningkatkan sosio-ekonomi di sesuatu komuniti berkenaan.

Selain memperkenalkan produk tempatan, ia juga dapat membudayakan rakyat negeri ini untuk memperkasakan koperasi masing-masing sekali gus menjana pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman berkata, kewujudan koperasi seharusnya menjadi nadi pembangunan ekonomi sesuatu penempatan berdasarkan kapasiti penduduk.

"Kerajaan Negeri amat serius untuk mewujudkan koperasi di sesuatu penempatan berpotensi menjana pulangan yang akhirnya memberi kebaikan kepada penggeraknya.

"Dalam masa sama, secara berperingkat, badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan belia, kariah dan keluarga juga digalakkan menubuhkan koperasi masing-masing," katanya dalam ucapan Perasmian Penutupan Kursus Kecemerlangan Prestasi Kerja Koperasi di Hotel Flamingo, Tanjung Bungah di sini baru-baru ini.

Kursus anjuran Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Koperasi Pulau Pinang dengan kerjasama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Pulau Pinang adalah julung kali dianjurkan di seluruh negara.

Antara modul baru diperkenalkan dalam kursus tersebut ialah Berfikir Secara Positif , Motivasi Pengurusan dan Kakitangan, Kecemerlangan Pengurusan-Kepemimpinan Melalui Tauladan dan Kecemerlangan Kakitangan.

Turut hadir, Pengerusi Perhubungan Angkasa Pulau Pinang, Sheikh Ismail Md. Allapitchay dan Timbalan Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Pulau Pinang, Hafidzah Hassan.

# Pelajar cemerlang DUN Bayan Lepas dirai

**CEMERLANG...** Seramai 28 pelajar cemerlang dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun lalu diraikan dalam suatu Majlis *Hi-Tea* dan Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bayan Lepas di sini baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Bayan Lepas, Asnah Hashim berkata, majlis yang mendapat kerjasama penduduk Taman Sungai Ara itu merupakan majlis penghargaan dan ukhuwah bagi meraikan kejayaan cemerlang anak-anak tempatan dalam pelajaran.

Sejumlah RM100 dan sijil penganugerahan telah disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim kepada pelajar-pelajar tersebut.

ABDUL Malik Abul Kassim (kanan) sambil diperhatikan, Asnah Hashim (tengah) menyampaikan anugerah penghargaan kepada salah seorang pelajar cemerlang pada Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bayan Lepas di sini baru-baru ini.



# Proses beri projek lebuhraya kepada Europlus perlu dijelaskan PM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**KUALA LUMPUR –** Pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak digesa menjelaskan proses pemberian projek membina Lebuhraya Banting-Taiping yang bernilai RM7.07 bilion kepada Kumpulan Europlus Bhd. (Europlus), sama ada dilakukan secara tender terbuka atau sebaliknya.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini berkata, beliau berasa curiga kerana Europlus mendahului kerajaan pusat dengan mengumumkan bahawa pihaknya telah menerima surat kelulusan membina projek tersebut.

"Apakah tender terbuka dijalankan untuk perjanjian ini, dan jika tidak kenapa? Jika ya, siapa lagi yang menyertai (proses tender terbuka) dan kenapa mereka dipilih?," tanya beliau pada satu kenyataan media di sini baru-baru ini.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, pengumuman yang dilakukan oleh Europlus itu hakikatnya berlanggaran prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban awam.

Malah, Guan Eng turut mempersoal kelayakan Europlus kerana pemaju itu dikatakan tidak mempunyai rekod prestasi bina-kendali-pindah (BOT) yang baik.

"Kenapa Europlus dipilih...pemiliknya mempunyai rekod permasalah dalam projek perumahan?," tanya Guan Eng.Dalam pada itu, beliau berasa curiga kenapa Kerajaan Persekutuan belum lagi membuat pengumuman mengenai konsesi lebuhraya yang jelas melanggar prinsip asas ketelusan dan kebertanggungjawab awam. Sebelum Kerajaan menandatangani perjanjian dengan Europlus, Perdana Menteri hendaklah memastikan bahawa 7 soalan berikut dijawab:

1. Adakah tender terbuka dijalankan untuk perjanjian ini, dan jika tidak, kenapa? Jika ya, siapa lagi yang menyertai dan kenapa mereka tidak dipilih?
2. Kenapa Europlus dipilih, sedangkan mereka tidak mempunyai rekod prestasi yang terbukti dalam bina-kendali-pindah (BOT) sektor lebuhraya, dan pemilik utamanya mempunyai sejarah permasalahan dalam projek perumahan?
3. Bagaimanakah Kerajaan boleh memberi tempoh konsesi selama 60 tahun, iaitu yang terpanjang dalam sejarah Malaysia dan kedua hanya kepada perjanjian pembekalan air selama 100 tahun kepada Singapura yang telah dimeterai pada tahun 1960an?
4. Apakah rasional untuk penganugerahan pinjaman mudah sebanyak RM2.24 bilion dari tahun 2013 pada kadar faedah 4% serta subsidi faedah 3% untuk pinjaman komersial selama 22 tahun? Kedua-dua subsidi ini berjumlah RM4 bilion jika prinsipal pinjaman adalah RM6 bilion.
5. Kenapa perlu Kerajaan membayar RM980 untuk pengambilan tanah sedangkan ini projek swasta?
6. Kenapa kos lebuhraya 316km ini yang berjumlah RM7.07 bilion atau RM22.3 juta setiap km adalah dua kali ganda kos pembinaan lebuhraya yang sama di India dengan kos RM10 juta setiap km?
7. Jika konsesi tol terbaru ini adalah alternatif kepada Lebuhraya Utara-Selatan yang sesak, kenapa berhenti di Taiping? Kenapa konsesi Europlus tidak dilanjutkan kepada Pulau Pinang yang mengalami kesesakan yang lebih teruk? Ini tidak adil untuk rakyat Pulau Pinang dan juga Kedah.

"Dengan tempoh konsesi 60 tahun yang dianugerahkan oleh Jabatan Perdana Menteri bermakna beberapa generasi rakyat Malaysia akan terpaksa membayar tol dari generasi saya hingga ke cucu-cicit saya. Ini langsung tidak boleh diterima kerana tempoh konsesi yang begitu lama ini hanya menguntungkan segelintir kroni syarikat pengendali tol yang akan mengaut keuntungan maha-Firaun manakala yang ruginya 28 juta rakyat Malaysia,'' tegas Guan Eng.




KETUA Menteri menggunakan jengkaut sebagai simbolik merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Pelebaran dan Menaiktaraf Jalan serta Jambatan di Jalan Song Ban Kheng di sini baru baru ini.

# Jalan dan jambatan Jalan Song Ban Kheng bakal dinaiktaraf

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

**BUKIT MERTAJAM –** Bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas dan jaminan kepesatan pembangunan di sini, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif khas untuk melebar dan menaiktaraf jalan serta jambatan di Jalan Song Ban Kheng, Seberang Perai Tengah dengan kos berjumlah RM20,415,816.60.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng percaya bahawa pelaburan tersebut akan memberi manfaat kepada rakyat negeri ini, malah, menegaskan bahawa kontraktor yang dipilih adalah melalui tender terbuka yang telah menjadi dasar Kerajaan Negeri.

Mustafa mengumumkan Pulau Pinang mengungguli pelaburan sektor pembuatan selama dua tahun dengan RM9.1 bilion pada tahun lepas walaupun Kerajaan Negeri mensasarkan RM6.1 bilion sahaja.

Pada tahun 2010 pula, Pulau Pinang mencipta rekod paling unggul dalam sejarah sektor pelaburan tanah air, iaitu sebanyak RM12.2 bilion.

"1.6 juta rakyat Pulau Pinang berhak mendapat penghargaan bersejarah ini, pencapaian Pulau Pinang menjadi nombor satu bagi tahun kedua berturut-turut merupakan satu yang tidak diduga," ujarnya di sini baru-baru ini.

Rekod kejayaan itu katanya, adalah hasil dari pentadbiran "Cekap, Akauntabel dan Telus" (CAT) yang berdaya saing serta mengamalkan tender terbuka.

Selari dengan itu, beliau berkata, Kerajaan Negeri akan terus memberi fokus pada sektor-sektor kritikal berpengetahuan intensif, berteknologi tinggi serta bernilai tinggi dalam elektronik, lampu LED, tenaga yang boleh diperbaharui seperti tenaga solar, avionik, aeroangkasa, peranti perubatan dan bioteknologi.

Tambahnya lagi, Kerajaan Negeri konsisten membina bakat-bakat baru yang berkualiti dalam kalangan pekerja selain memperhebat pembangunan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negeri berkenaan melalui pusat PKS yang siap dibina Jun depan.

Kategori baru "jumlah pelaburan" yang dikeluarkan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) menunjukkan Pulau Pinang tewas tipis kepada Sarawak disebabkan negeri jolokan "Bumi Kenyalang" itu menyebabkan Sarawak menerima rangsangan besar daripada pelaburan minyak dan gas.

Keseluruhan pelaburan Sarawak pada tahun lepas adalah sebanyak RM14.35 bilion manakala keseluruhan pelaburan Pulau Pinang adalah sebanyak RM14.038 bilion.

"Walaupun tidak mempunyai pelaburan dalam sektor utama (sumber bahan mentah seperti minyak dan gas), Pulau Pinang hanya kehilangan sebanyak RM300 juta kepada Sarawak," ujar Guan Eng.

Disebabkan itu, beliau menyuarakan rasa yakin bahawa kekuatan Pulau Pinang dalam sektor perkhidmatan menyumbang lebih 50 peratus pada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020 kelak, walaupun negeri berkenaan tiada pelaburan dari sumber mentah seperti di Sarawak.

"Agensi berita US, *Bloomberg* pada Oktober 2011 telah menyifatkan pertumbuhan Pulau Pinang ke dalam 'kejayaan terbesar ekonomi' Malaysia, walaupun, Kerajaan Pusat memberi fokus kepada Johor dan Sarawak," ujarnya.

Beliau bagaimanapun merakamkan ucapan terima kasih atas sumbangan bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Tun Dr. Lim Chong Eu serta partisipasi Mustapa dan MIDA dalam pelaburan sektor pembuatan di negeri berkenaan.

# Umum diseru laporkan insiden curi pokok Gaharu

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**KEBUN BUNGA –** Pencerobohan dan kecurian pokok Tengkaras atau lebih dikenali sebagai pokok Gaharu oleh individu yang tidak bertanggungjawab mendapat perhatian Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah berkata, pihaknya telah menerima beberapa laporan pencerobohan dan kecurian sejak tahun lalu dan sehingga kini, pihaknya telah berjaya memberkas seorang individu yang mencuri hasil pokok Tengkaras.

"Saya percaya dan berharap orang awam terutamanya para pencinta alam sekitar dapat melaporkan sekiranya ada aktiviti mencurigakan di hutan-hutan simpan kepada Jabatan Perhutanan supaya kita dapat tangkap individu yang tidak bertanggungjawab ini."

"Penceroboh bukan sahaja daripada warga tempatan, malah, warga asing yang menebang pokok Tengkaras ini dan diseludup ke negara jiran," tambah Guan Eng yang turut menyatakan bahawa nilai pasaran bagi sekilogram pohon tersebut boleh mencecah RM20,000.

Oleh itu, baru-baru ini beliau bersama Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Kesihatan, Kebajikan dan Masyarakat Penyayang, Phee Boon Poh dan beberapa wakil dari Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) meninjau sendiri ke kawasan pokok Tengkaras yang tumbuh meliar di Taman Botani Pulau Pinang.

"Mereka turut menjadikan hutan taman botani, hutan kekal di Cherok Tok Kun dan Bukit Panchor di Nibong Tebal sebagai lokasi untuk menjalankan kegiatan penyeludupan".



**KETUA Menteri memegang cebisan pokok Gaharu yang ditebang secara haram sambil diperhatikan Phee Boon Poh (kanan sekali) dan wakil JPNPP dalam lawatan khas ke Taman Botani Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**



**POKOK gaharu yang baru ditebang secara haram oleh pihak tidak bertanggungjawab.**

"Mencuri hasil tumbuhan yang meliar sebenarnya sesuatu yang merugikan dan perlu dihentikan segera," tegas beliau yang turut menyarankan pemantauan berkala oleh JPNPP.

Selain itu, beliau turut mencadangkan agar diwujudkan sebuah jawatankuasa bertindak bagi mengadakan operasi bersepadu untuk membendung modus operandi individu yang tidak bertanggungjawab berkenaan.

"Kesannya dapat dilihat dalam jangka masa panjang sekiranya kegiatan ini tidak dibendung. Pokok gaharu yang ditebang secara haram boleh menyebabkan hakisan permukaan tanah ketika hujan. Ini akan mengganggu dan memusnahkan ekosistem kawasan ini," ujar Guan Eng yang turut mendaki ke kawasan pohon tengkaras bersama isteri beliau, Betty Chew dan pihak media massa.

Pokok Tengkaras atau nama saintifiknya '*aquilaria malaccensis*' mendapat permintaan tinggi di pasaran kerana nilai komersialnya yang tinggi. Lapisan luar kayu Gaharu ini boleh diproses untuk dijadikan minyak gaharu (pewangi) dan bahan tambahan produk-produk kosmetik. Malah, pangkal teras pohon gaharu yang dibakar mampu menghasilkan aroma yang menyegarkan.

Bagi sebarang maklumat lanjut atau laporan kegiatan penebangan haram, bolehlah menghubungi JPNPP di talian 04 - 650 5250 atau pejabat renjer Teluk Bahang di talian 04 - 885 1280.

---

# Liow Tiong Lai tak layak pantau Lynas, kata Guan Eng

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Datuk Seri Liow Tiong Lai dianggap tidak layak untuk memantau tahap keselamatan Loji Nadir Bumi Lynas di Kuantan, Pahang walaupun Menteri Kesihatan itu dilantik sendiri oleh kerajaan pusat.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata, Tiong Lai (Liow) pasti akan mengutamakan kepentingan projek Barisan Nasional (BN) tersebut memandangkan beliau merupakan Pengerusi MCA di negeri berkenaan.

Menurut Guan Eng, kredibiliti Liow mula dipertikai sejak dilihat menipu dalam insiden Hospital Bersalin Tung Shin menerima bedilan gas pemedih serta meriam air yang menjadi tempat perlindungan perhimpunan aman BERSIH 2.0 pada 9 Julai tahun lepas.

"Bolehkah kita mempercayai Datuk Seri Liow Tiong Lai? Apabila dibuktikan polis memang menembak gas pemedih mata dan meriam air ke dalam kawasan hospital, barulah Liow terpaksa memohon maaf secara terbuka," ujarnya melalui satu kenyataan akhbar di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Setiausaha Agung DAP berkata, di sebalik perlantikan Liow sebagai jawatankuasa pemantau, kerajaan pusat sendiri didedah memberi Lesen Kendalian Sementara (TOL) selama dua tahun kepada pengendali loji gas nadir bumi dari Australia tersebut.

Di bawah TOL, Lynas diberi tanggungjawab penuh bagi menguruskan sisa termasuk mengembalikan sisa tersebut pada sumber asal jika perlu.

Pun begitu katanya, Australia sendiri dalam satu laporan telahpun menolak untuk membawa pulang sisa asal Lynas demi menjaga keselamatan rakyat di negaranya.

"Jika begitu, ke manakah sisa-sisa itu akan dikembalikan? Siapakah pakar dalam MCA Pahang yang akan memantau operasi Lynas sama ada selamat atau tidak untuk rakyat?" tanya Guan Eng lagi.

Beliau berkata, dolak-dalih Liow itu sekaligus mencerminkan BN lebih mementingkan keuntungan besar daripada operasi Lynas berbanding keselamatan rakyat terbanyak yang berkemungkinan terdedah pada pencemaran nadir bumi Lynas.

TINTA PENGARANG

# Cerita "langau" UMNO

**"JIKA** kita tak boleh jadi garam untuk ikan, janganlah kita jadi langau yang akan lebih cepat membusukkan ikan". Begitulah madah seorang pemimpin tertinggi UMNO baru-baru ini yang diberi jolokan Ah Jib Gor masih terngiang-ngiang di telinga Putera Pulau.

Jika kita lihat apa yang berlaku khususnya di Pulau Pinang angkara mabuk kuasa oleh ahli UMNO sendiri yang lebih "selesa" memilih untuk menjadi "langau". Tindakan mereka telah membuatkan penduduk Pulau Pinang menjadi lebih ghairah untuk menyaksikan setiap drama langau yang akan dipersembahkan. Dengan harapan, tindakan langau UMNO ini dianggap hebat dan demi rakyat.

Persoalannya, adakah rakyat Pulau Pinang akan terkesima dengan drama langau semudah itu? Jawapan sudah ada disekeliling kita. Perkara baik kita sokong, perkara jahat dan mungkar kita tegah. Tanpa menguasai media arus perdana, agenda Pakatan Rakyat tetap sampai ke telinga rakyat. Bagaimana? Terima kasih kepada anda yang telah terjaga daripada lena dan mengejutkan yang lain bangun demi menyelamatkan bumi Malaysia. Semangat bangkit dan ubah dalam kalangan rakyat semakin berkobar-kobar menjelang PRU13 akan datang. Amatlah kasihan jika UMNO gagal menambat hati rakyat pada PRU13 kali ini kerana banyak sudah dibelanjakan sebagai "gula-gula". Penat lelah Najib ziarah satu negara, tapi langau datang buat busuk. Malangnya, langau belaan sendiri.

Niat untuk menawan kembali Pulau Pinang mungkin tinggal mimpi dan kenangan. Mimpi dan kenangan sewaktu menguasai Pulau Mutiara bakal menjadi bualan kedai kopi sahaja. Langau belaan UMNO semakin "bengap" dan "lembab".

Lebih dari 500 orang yang terdiri dari NGO dan rakyat Pulau Pinang berhimpun secara aman dalam Himpunan Hijau 2.0 di Padang Kota Lama bagi menunjukkan tanda protes terhadap Lynas. Himpunan yang dilakukan secara aman ini turut dihadiri ahli-ahli exco Kerajaan Negeri dan juga Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Semua peserta dikejutkan dengan kehadiran langau UMNO yang mengaku Melayu yang sebenarnya tak berapa nak Melayu. Terpekik, terlolong menyuruh peserta Himpunan Hijau 2.0 bersurai. Mungkin mereka lupa, Pulau Pinang kini ditadbir Kerajaan Pakatan Rakyat. Himpunan aman yang dilangsungkan juga adalah inisiatif serta keprihatinan rakyat di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat. Siapa sebenarnya yang patut bersurai atau balik? Yang menariknya, ada diantara langau UMNO ini memekik, "UMNO bagi RM500 hampa amik! Sekarang nak kutuk UMNO pula!"

Abang-abang langau UMNO sekalian, masa Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang bagi wang penghargaan warga emas dan wang khariat kematian, berapa ramai orang UMNO sendiri terima dan ambil wang ini walaupun pada mulanya kata haram? Kenapa tak cakap? Kerajaan Pakatan Rakyat tidak pula menghalang atau mengutuk orang UMNO yang menerima wang ini. Malah, dialu-alukan dan bantuan ini bukanlah hanya diberi ketika PRU13 diambang sore. Tambahan lebih awal dan kini sudah pun masuk tahun kedua.

Macam ni lah, mungkin hampa tak ambil wang ini tapi adalah mereka atau lebih difahami sebagai rakyat yang dahulunya pangkah UMNO kini lebih percaya dengan ketelusan Kerajaan Pakatan rakyat di bawah pimpinan Guan Eng. Tindakan mencederakan wartawan adalah suatu tindakan terkutuk yang dilakukan oleh langau UMNO pada himpunan aman itu. Entah kenapa anti sangat mendengar UMNO dihina hingga sanggup gunakan kekerasan. Jika memilih untuk menjadi langau pun, biarlah beradab sopan seperti adat budaya Melayu. Protes terhadap Lynas adalah demi kesejahteraan rakyat Malaysia juga. Rasanya, jika ditanya pada langau UMNO apa itu Lynas pun tak tau. Yang baik kita sokong la dan yang memudaratkan buat apa kita sokong. Itu namanya cari penyakit.

Keberanian Guan Eng menghadiri himpunan aman yang diporak-perandakan langau UMNO patut dipuji. Tiada sebarang kawalan polis sewaktu berhimpun sehingga menyebabkan kecederaan peserta akibat diserang langau UMNO, namun, Guan Eng tetap hadir. Meskipun dikecam dan dihambur cacian oleh langau UMNO, Guan Eng sempat memberi kata semangat kepada peserta himpunan ini. Pemimpin UMNO ada? Berdebat pun hantar Chua Soi Lek dari parti komponen. Kenapa perlu takut jika kita mahu memimpin? Rakyat Malaysia semakin matang dan perlu tahu kenapa mereka patut dipimpin oleh mana-mana parti politik.

*Putera Pulau*

# Derma alat mainan untuk kebajikan

**PRIHATIN...** Demi menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan kanak-kanak, Persatuan Wanita Mutiara Pulau Pinang dianggotai isteri-isteri kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) negeri ini telah melancarkan program Perpustakaan Mainan Pulau Pinang *(Penang Toy Library)* bagi menggalakkan komuniti menderma alat mainan dan patung-patung terpakai kepada golongan kanak-kanak tidak bernasib baik serta berkemampuan.

Selaras dengan inisiatif tersebut, ibu bapa dan para pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Kwang Wah, Butterworth telah berjaya mengumpul kira-kira 1,000 alat mainan dan juga patung terpakai dalam tempoh masa setahun.

Ekoran itu, satu majlis penyerahan alat mainan serta patung telah diadakan diwakili isteri kepada Ketua Menteri, Betty Chew selaku Pengerusi Persatuan Wanita Mutiara Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Ketibaan Betty pada hari berkenaan disambut meriah dengan persembahan tarian naga, pameran kraftangan para pelajar serta penanaman pokok sebagai simbolik program bersejarah yang berlangsung di sekolah berkenaan.




**BETTY Chew (tengah) menyiram pokok yang baru ditanam sebagai simbolik majlis penyerahan alat mainan serta patung program Perpustakaan Mainan Pulau Pinang di SJKC Kwang Wah, Butterworth di sini baru-baru ini.**

# Restoran Peladang saji 120 lauk berasas bahan segar setiap hari



PENYEDIAAN pelbagai hidangan lauk-pauk menjadi tarikan utama Restoran Peladang.

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar: **LAW SUUN TING**

**DIDORONG** oleh bakat dan minat sejak kecil, Mohd. Radzuan Rahim, 51, mengambil keputusan untuk bersara awal daripada perkhidmatan awam untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan makanan.



MOHD. Radzuan Rahim.

Keputusan diambil 12 tahun itu tidak pernah mengecewakan ayah kepada tiga cahaya mata tersebut yang kini merupakan pemilik Restoran Peladang tersohor di Jalan Genting, Balik Pulau.

Menyajikan 120 lauk setiap hari, antara menu istimewa Restoran Peladang adalah kari ikan sembilang dan gulai ayam kampung. Selain itu, ulam-ulaman dan lauk-pauk bakar seperti ikan, sotong, udang serta daging turut menjadi tarikan para pengunjung dari dalam dan juga luar negeri.

Tambah menarik, Restoran Peladang juga merupakan satu-satunya lokasi di Balik Pulau yang membekalkan air minuman nira nipah. Dengan harga RM3 segelas (gelas besar), kenikmatannya adalah tidak terhingga!

Menurut Mohd. Radzuan, bekalan harian nira nipah diperoleh daripada pembekal Seberang Perai. Tempoh maksimum penyimpanan minuman tersebut adalah selama tiga hari. Bagaimanapun, beliau memperoleh bekalan segar sebanyak 50 bungkus pada setiap hari bagi jaminan kualiti demi kepuasan para pelanggan.

"Rahsia masakan dan minuman di Restoran Peladang adalah kesegaran pada bahan-bahan masakan.

"Adalah menjadi rutin saya pada jam 5 petang setiap hari, saya akan ke Kuala Pulau Betong (Balik Pulau) untuk mendapatkan bekalan ikan-ikan segar. Begitu juga dengan bekalan sayur-sayuran untuk dimasak pada keesokan harinya," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.



MOHD. Radzuan Rahim menunjukkan lauk-pauk istimewa Restoran Peladang miliknya.

Selain itu, tambah Mohd. Radzuan, komitmen, sikap rajin dan inisiatif turun padang turut menyumbang kepada kejayaan di dalam bidang diceburi kini.

"Selain faktor-faktor dinyatakan, sokongan keluarga dan sikap 'menyayangi' para pekerja adalah aset utama Restoran Peladang dapat bertahan sehingga kini," jelasnya lagi.

Dalam pada itu, Mohd. Radzuan tidak menafikan bahawa persaingan merupakan antara cabaran utama dihadapi peniaga seperti beliau. Bagaimanapun, beliau bersikap positif dan menyatakan bahawa perkara tersebut dapat diatasi di atas komitmennya yang mengutamakan kepuasan para pelanggan.

"Kami buat yang terbaik untuk para pelanggan. Restoran kami menawarkan harga berpatutan berbanding restoran ataupun kedai-kedai makan lain. Tambahan pula, dari aspek pengambilan pekerja (kakitangan), kami di sini membuka peluang dan memberi keutamaan kepada anak-anak tempatan," katanya yang kini memiliki 11 kakitangan termasuk dua tukang masak, pembantu tukang masak (3) dan lain-lain.

Selain makanan berlauk untuk santapan tengah hari, pada waktu pagi, Restoran Peladang yang dibuka seawal 7.30 pagi setiap hari turut menghidangkan roti bakar, telur separuh masak berserta madu (bergantung kepada permintaan).

Bagi sebarang tempahan, sila hubungi Mohd. Radzuan di talian 013 – 417 8188 atau kunjungi Restoran Peladang di D/A Pertubuhan Peladang, Kawasan Seri Pulau, Jalan Genting, 11000 Balik Pulau.

**Waktu Operasi** : Setiap hari, 7.30 pagi – 4 petang.



ANTARA hidangan menarik Restoran Peladang.

# Kerja berpasukan rahsia urus kewangan negeri Pulau Pinang cekap


MOKHTAR Mohd. Jait ketika diwawancara BM.

JABATAN Audit Negara sebenarnya bukan sahaja mengiktiraf integriti urus tadbir kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, bahkan, penyata kewangan negeri dikatakan menerima pengiktirafan verbal daripada pusat.

Wartawan Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** dan Jurugambar, **ALISSALA THIAN** mendekati Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Mokhtar Mohd. Jait bagi menyingkap rahsia di sebalik rekod kejayaan itu.

**BM : Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang dikatakan mempunyai rekod urus penyata kewangan yang mahir sehingga menerima perhatian positif daripada kerajaan pusat. Sejauhmana kebenaran itu, Dato'?**

**Dato' Mokhtar :** Tahun ini, kita (Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang) diiktiraf lagi sebagai Kerajaan Negeri yang menguruskan penyata kewangan terbaik. Kita mempunyai pengurusan akaun terbaik berbanding negeri-negeri lain.

Dalam mesyuarat-mesyuarat *Exist Conferences* yang diadakan pada hujung setiap tahun (yang disertai oleh) Ketua Audit Negara bersama-sama Jabatan Audit Negara dan Jabatan-Jabatan Negeri di dalam negeri (atau) agensi-agensi negeri, nama Pulau Pinang seringkali dipuji-puji kerana kita konsisten menyediakan rekod penyata kewangan terbaik berbanding negeri-negeri lain seperti yang diminta oleh Jabatan Audit Negara.

Kita (Palau Pinang) merupakan negeri mula-mula sekali menyediakan penyata kewangan kepada (Jabatan) Audit Negeri, paling cepat berbanding negeri-negeri lain. Sejak tahun 2006 lagi, kita (Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang) telah menyerahkan penyata kewangan sebelum tarikh dan masa yang ditetapkan oleh (Jabatan Audit Negara) iaitu bagi tahun 2006, kita menyerahkan Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang untuk proses pengauditan pada 9 Februari 2007. Serahan kita pada tahun-tahun berikutnya pada 16 April 2008 (bagi Penyata Kewangan 2007), 19 Januari 2009 (bagi Penyata Kewangan 2008), 19 Januari 2010 (bagi Penyata Kewangan 2009) dan 18 Januari 2011 (bagi Penyata Kewangan 2010). Seperti tahun ini, kita telah menghantar (Penyata Kewangan 2011) pada 16 Januari (2012). Dulu (Penyata Kewangan 2010) kita serahkan pada 18 Januari (2011). Ini bermakna, kita telah mengurus pernyata kewangan negeri paling baik. Itu juga menyumbang pada amalan urus tadbir Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekarang sehingga menerima pengiktirafan banyak pihak, termasuk Jabatan Audit Negara walaupun secara verbal.


SEMANGAT kerja berpasukan amat ditekankan Mokhtar Mohd. Jait.

**BM: Apakah rahsia di sebalik semua rekod kejayaan itu?**

**Dato' Mokhtar:** Sebenarnya kita tidak mempunyai apa-apa rahsia sehingga diiktiraf dalam mesyuarat-mesyuarat *Exist Conferences* saban tahun. Sistem (Penyata Kewangan) yang digunakan oleh kita di Pulau Pinang ini, sebenarnya sama dengan sistem yang digunakan di negeri-negeri lain. Semua negeri menggunakan sistem yang sama, yang disediakan oleh kerajaan pusat. Sistem ini dikenali sebagai SPEKS (atau) Sistem Perakaunan Berkomputer Standard.

Proses menghantar penyata kewangan ini bukan sahaja melibatkan Jabatan Kewangan Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) di Komtar ini, tetapi seluruh jabatan dan agensi di bawah Kerajaan Negeri kerana proses kewangan berlaku di semua tempat-tempat tersebut. Jadi, proses menghantar laporan penyata kewangan negeri ke pusat (yang dilakukan) setiap hari secara *online* tidak mungkin boleh berjalan lancar kalau tidak ada kerjasama dari jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawah kita.

**BM : Sepanjang menguruskan sumber manusia dan dokumen mengenai kewangan, apakah pengalaman yang paling sukar dihadapi? Maksudnya, karenah pekerja jika ada?**

**Dato' Mokhtar :** Dari semasa ke semasa, kita (Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang) di Komtar ini akan mengadakan latihan seperti tutorial kepada semua peringkat jabatan dan agensi di bawah Kerajaan Negeri supaya mereka benar-benar mahir dengan sistem SPEKS ini. Kursus-kursus yang biasa kita laksanakan antaranya adalah Kursus Penambahbaikan SPEKS - Modul PTJ Kewangan, Kursus Pengukuhan Kewangan SPEKS. Melalui latihan berterusan sebegini menjadikan kita (Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang) sebagai pasukan kerja yang mahir, berdisiplin, saling bekerjasama, lengkap-melengkapi dan paling penting fokus pada kerja yang begitu teknikal yang diamanahkan oleh Jabatan Audit Negara.

**BM : Kerajaan Negeri sebelum ini pernah didakwa tidak membelanjakan peruntukan pembangunan sehingga lebihan kewangan atau surplas meningkat. Bolehkah Dato' jelaskan perkara yang sebenar mengenai dakwaan tersebut?**

**Dato' Mokhtar** : Apa yang dinyatakan oleh pihak tertentu itu sebenarnya tidak berdasarkan fakta. Yang benar, adakalanya kurang dan adakalanya bertambah tetapi bukan bermakna kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) langsung tidak berbelanja.

Peruntukan Belanja Mengurus ke Akaun Pembangunan Kerajaan Negeri pada tahun lepas (2011) adalah sebanyak RM171.05 juta, RM225.90 juta (2010), RM169.29 juta (2009) dan RM151.90 juta (2008).

**BM : Sebagai pengakhiran wawancara kita ini, apakah harapan yang mungkin Dato' mahu berkongsi dengan pembaca Buletin Mutiara?**

**Dato' Mokhtar** : Harapan saya, budaya kerja berpasukan di Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang ini dapat kita kekalkan bersama dengan satu matlamat iaitu mahu Pulau Pinang kekal sebagai imej nombor satu dalam segenap segi berbanding negeri-negeri lain.

Malah, saya percaya latihan akan meningkatkan kemahiran bekerja. Saya percaya kualiti kerja terbaik adalah kerja secara berpasukan. Kerja secara berpasukan telah melonjak imej Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang diiktiraf (secara verbal) oleh Jabatan Audit Negara.

# Jendela Pelanggan MPPP selesai aduan orang ramai

**GEORGE TOWN –** Bagi mengeratkan komunikasi secara langsung dengan masyarakat setempat, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) meneruskan kelangsungan Hari Jendela Pelangan yang menjadi platform untuk orang ramai membuat aduan dan kemusykilan dihadapi di sini.

Penolong Pegawai Tadbir, Roslinawati Mohd. Rasyid berkata, kaunter aduan orang ramai tersebut dibuka setiap hari Jumaat minggu ketiga, di antara jam 3 petang hingga 5 petang bertempat di Bilik Minda, Paras 4, Komtar. Sebanyak 13 pegawai dari jabatan MPPP ditugaskan untuk berbincang secara langsung.

"Dengan program bersemuka begini, ia lebih bersifat mesra masyarakat dan memudahkan orang ramai yang ingin membuat aduan agar dapat berjumpa secara terus dengan jabatan yang berkenaan dan membincangkan masalah dihadapi dengan lebih terperinci," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, kebanyakan daripada aduan yang diterima adalah berkenaan kes pembuangan sampah, jalan raya yang tidak sempurna dan juga anjing liar.

"Sekiranya aduan tersebut boleh diselesaikan dengan segera, kami (MPPP) akan terus bertindak tetapi acapkali aduan-aduan berkenaan memerlukan pihak MPPP menjalankan siasatan terlebih dahulu dan disusuli dengan pemberian notis. Maka, ia akan mengambil sedikit masa.

"Pada masa sama, MPPP juga sedia menerima maklum balas dan pandangan daripada orang ramai mengenai keberkesanan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah diberikan oleh pihak majlis pada sesi tersebut," jelasnya.

Tambah Roslina, pada 2009 dan 2010, kesemua aduan yang diterima pihak majlis telah dapat diselesaikan sepenuhnya.

Orang ramai yang ingin membuat aduan tetapi mempunyai kekangan masa untuk hadir boleh menyusulkan aduan atau pandangan ke talian '*hotline*' MPPP, 04 – 263 7000 / 04 – 263 9575, sistem pesanan ringkas (SMS) ke 012 – 490 7000 atau emelkan terus aduan anda ke laman sesawang aduan@mppp.gov.my.

Hari Jendela Pelanggan bagi tahun 2012 adalah seperti berikut:

| | Bulan | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Januari | 20/1/2012 |
| 2 | Februari | 17/2/2012 |
| 3 | March | 16/3/2012 |
| 4 | April | 20/4/2012 |
| 5 | Mei | 18/5/2012 |
| 6 | Jun | 15/6/2012 |
| 7 | Julai | 20/7/2012 |
| 8 | Ogos | 17/8/2012 |
| 9 | September | 21/9/2012 |
| 10 | Oktober | 19/10/2012 |
| 11 | November | 16/11/2012 |
| 12 | Disember | 21/12/2012 |



**PEGAWAI MPPP sedang meneliti gambar dirakamkan oleh salah seorang pangadu yang hadir pada Hari Jendela Pelanggan MPPP di sini baru-baru ini.**

# Pasar malam bakal dinaiktaraf

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Demi keselamatan dan keselesaan penduduk setempat yang mana kediaman mereka terletak berhampiran dengan kawasan pasar malam, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) kini mengambil langkah drastik dengan menghentikan seketika pemberian lesen buat penganjur berkenaan bermula tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Gantian Tetap dan Kesihatan Awam MPPP, Ong Ah Teong, berkata, kemungkinan besar pembekuan hanya dilakukan dalam tempoh lima bulan sehingga satu tahun bagi membolehkan pihak MPPP mengenalpasti, menyelesaikan dan menaiktaraf keadaan pasar malam sedia ada.

"Kebanyakkan aduan yang diterima daripada penduduk setempat dan pengunjung pasar malam adalah disebabkan tindakan meletakkan kenderaan sesuka hati hingga menghalang kelancaran lalu lintas.

"Justeru, proses perbincangan dengan beberapa pihak harus dilakukan terlebih dahulu seperti pihak polis agar dapat membantu dari segi laluan trafik. Manakala, pihak bomba lebih arif dan tahu mengenai struktur yang lebih selamat ataupun tidak," ujarnya pada satu sidang media bertempat di Dewan Bandaran MPPP, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, pihak penganjur pasar malam di kawasan pulau tidak perlu khuatir kerana proses pembekuan yang dijalankan MPPP hanya bersifat sementara sehingga kerja menaiktaraf selesai, kebersihan dan tahap keselamatan pengguna terjamin.

"Ini bakal melibatkan 36 tapak pasar malam sedia ada dengan jumlah 4,123 tapak peniaga," jelasnya lagi.



**ONG Ah Teong menunjukkan lokasi pasar malam di seluruh kawasan pulau pada majlis sidang akhbar beliau di sini baru-baru ini.**

# Cagaran sepanduk dinaikkan sekali ganda

**SEBERANG PERAI –** Bermula Disember tahun lalu, Jawatankuasa Pentadbiran Kewangan, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah membuat keputusan di bawah Akta Undang-undang Kecil (Iklan) 2001 untuk menaikkan harga cagaran sepanduk sekali ganda bagi setiap permohonan di kawasan Seberang Perai.

Keputusan tersebut diambil ekoran lambakan kejadian penggantungan sepanduk secara haram dan MPSP tidak dapat mengesan individu atau syarikat yang bertanggungjawab.

Di samping itu, kenaikkan tersebut juga bertujuan menggalakkan pemohon menurunkan sendiri sepanduk yang telah digunakan untuk mempromosi produk atau cara mengiklan samada pihak swasta mahupun kerajaan.

Kajian yang dijalankan pihak MPSP menunjukkan bahawa status permohonan permit bagi penggantungan sepanduk semakin meningkat bermula dari tahun 2007 hingga 2011. Namun, rampasan yang dilakukan terhadap sepanduk haram juga meningkat dalam jangka masa sama.

Bagaimanapun, MPSP telah mengecualikan bayaran cagaran bagi sepanduk Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Institusi Pendidikan Awam dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi mempromosi atau mengiklan program atau acara yang bakal dilangsungkan.

Berikut ialah carta rujukan bagi menyemak caj bayaran untuk setiap permohonan permit penggantungan sepanduk :

| No. | JENIS PERMOHONAN | CAJ BAYARAN SEMASA |
|---|---|---|
| 1 | Acara/ Majlis anjuran Kerajaan Negeri | Percuma<br>Caj proses – RM20.00 |
| 2 | Acara/ Majlis anjuran bersama pihak ketiga dan Kerajaan Negeri | Tiada dasar |
| 3 | Acara/ Majlis anjuran Kerajaan Persekutuan/ Badan Berkanun | Percuma<br>Caj proses – RM20.00 |
| 4 | Acara oleh Institusi Pendidikan (Sekolah, Institut dll)<br>(kurang dari 5 sepanduk)<br>(lebih dari 6 sepanduk) | Tiada dasar<br>Tiada dasar |
| 5 | Acara/ Majlis anjuran Parti Politik<br>(Majlis makan malam/ ceramah) | Percuma<br>Caj proses – RM20.00 |
| 6 | Kempen-kempen sosial setempat seperti derma darah, gotong-royong/ Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya | Percuma<br>Caj proses - RM20.00 |



| JUMLAH PAPARAN | KADAR | JUMLAH PAPARAN | KADAR |
|---|---|---|---|
| 1-5 keping | RM50 | 1-5 keping | RM100 |
| 6-9 keping | RM100 | 6-9 keping | RM200 |
| 10-30 keping | RM200 | 10-30 keping | RM400 |
| 31-50 keping | RM400 | 31-50 keping | RM800 |
| 51-100 keping | RM600 | 51-100 keping | RM1200 |
| 101 ke atas | RM1000 | 101 ke atas | RM2000 |

**AHLI Majlis MPSP, Soon Lip Chee menunjukkan lambakan sepanduk dan banting haram yang berjaya diturunkan meliputi seluruh kawasan Seberang Perai.**



**SOON Lip Chee menunjukkan salah sebuah tong roro yang terdapat di tapak perumahan dalam pembinaan.**

# Dasar baru MPSP, bahan binaan wajib dibuang ke dalam tong roro

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

**SEBERANG PERAI –** Bagi mencari satu kaedah penyelesaian terhadap aduan serta masalah berkaitan perletakkan bahan binaan tidak terkawal dan pembuangan sisa binaan terutamanya di kawasan perumahan, satu dasar baru telah diimplimentasikan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bermula 1 Mac 2012.

Bermula pada tarikh penguatkuasaan tersebut, setiap premis yang mengubahsuai kediaman masing-masing perlu menyediakan tong sampah jenis 'roro'. Malah, pihak terbabit (pemilik atau kontraktor terlibat) harus mengemukakan pelan pengubahsuaian serta membuat bayaran cagaran untuk setiap pelan bangunan sebanyak RM500 (akan dikembalikan sekiranya pelan bangunan mengikut syarat-syarat pelan yang diluluskan).

Di samping itu, beberapa bayaran tambahan juga diperlukan iaitu bayaran cagaran untuk kebersihan tapak sebanyak RM250, bayaran permit sementara untuk perletakkan bahan binaan berjumlah RM250 serta bayaran permit pembuangan sisa binaan berjumlah RM100. Walau bagaimanapun, semua cagaran akan dipulangkan jika memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh MPSP.

Menurut jurucakap MPSP, Soon Lip Chee, bermula dari tarikh pengimplimentasian dasar tersebut sehingga Januari 2012, sebanyak 259 permohonan permit telah diterima pihak MPSP bagi tujuan pengubahsuaian tempat kediaman. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 90 permohonan adalah daripada daerah Seberang Perai Utara (SPU), 82 daripada Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan 87 daripada Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

"Berdasarkan statistik yang diterima oleh MPSP, kita jangkakan masih ada pemilik yang tidak memohon permit sebelum membuat pengubahsuaian. Kami sangat menggalakkan agar sesiapa yang mempunyai maklumat mengenai pengubahsuaian secara haram ini dapat melaporkannya kepada pihak MPSP dengan kadar segera," kata beliau kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, MPSP juga menyeru agar pemilik kediaman mematuhi arahan dan dasar baru yang telah dikeluarkan bagi mengelakkan masalah kebersihan sekaligus mencegah pencemaran daripada berlaku akibat daripada kecuaian pemilik kediaman yang degil dan pentingkan diri sendiri.

# Kemelut banjir kilat 50 tahun terungkai

**Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI**

**PENAGA –** Kemelut banjir kilat selama 50 tahun yang melanda penduduk di kawasan Guar Tuan Syed di sini akhirnya terungkai apabila projek pembinaan longkang sejauh 200 meter yang menelan belanja hampir RM50,000 dijangka siap menjelang April ini.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Rosidi Hussain, projek tersebut merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi rakyat.

"Alhamdulillah, keprihatinan dan kecekapan Kerajaan Negeri dalam menangani masalah rakyat ternyata memberi impak positif," ujar Rosidi kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Malah, tambah beliau lagi, saranan Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng dalam Majlis Penerangan Pembangunan yang diadakan baru-baru ini, agar Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), PPK dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) berkerja dan berusaha gigih, ketara memberi perubahan bukan sahaja dalam gerak kerja, malah, kerjasama yang ditonjolkan.

"Kerjasama inilah yang membolehkan kita (perwakilan masyarakat) menyelesaikan masalah rakyat," kata beliau yang turut berasa syukur dengan sokongan JKKK dan masyarakat setempat terhadapnya dan pimpinan negeri.



**KERJA kerja membersihkan semak-samun di kawasan pembinaan longkang kini giat dijalankan di kampung Guar Tuan Syed, Penaga di sini.**

# Pupuk semangat kekitaan demi kebersihan awam

**SEBERANG JAYA –** Kira-kira 100 individu terdiri daripada ahli-ahli Jawatankuasa Pejabat Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan penduduk sekitar Permatang Rawa menyertai acara gotong-royong yang diadakan di sini baru-baru ini.

Menurut Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Seberang Jaya, Abdul Jalil Che Ros, program membersihkan kawasan tanah perkuburan Islam dan surau di Permatang Rawa tersebut adalah untuk menyahut saranan Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang lebih bersih dan hijau.

"Malah, kita adakan program ini untuk pupuk semangat kekitaan dalam kalangan penduduk setempat," ujar beliau yang bercadang untuk menjadikan aktiviti gotong-royong berkenaan sebagai acara rutin hujung minggu atau cuti am.

Tambah beliau lagi, selain mengeratkan hubungan silaturahim, aktiviti gotong-royong yang dianjurkan juga mampu memupuk kesedaran dan semangat mencintai alam sekitar.

"Pentingnya menjaga kebersihan awam adalah untuk keselesaan semua," ujar beliau yang turut serta dalam gotong-royong tersebut baru-baru ini.




**BEBERAPA penduduk setempat gigih membersihkan kawasan di sekitar surau Permatang Rawa dalam program gotong-royong di sini baru-baru ini.**



**MOHD. Zikri Mohd. Rosli (dua dari kanan) menerima plat kemenangan daripada Maktar Shapee selepas diumumkan johan Pertandingan Alunan Azan bersempena sambutan Maulidur Rasul di sini baru-baru ini**

# Sambutan khas Maulidur Rasul di Nibong Tebal

**SAMBUTAN KHAS...** Bertemakan 'Kami kasih. Kami cinta. Kami sayang Nabi Muhammad S.A.W', Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Kechil, Nibong Tebal telah mengambil inisiatif khas untuk mengadakan acara sambutan khas sempena Maulidur Rasul 1433H/2012M di sini baru-baru ini.

Selain pertandingan Alunan Azan, turut diserikan adalah perarakan (disertai kira-kira 100 penduduk kampung sekitar) dan alunan zikir serta selawat. Dalam pada itu, adik Mohd. Zikri Mohd. Rosli, 11, telah dinobatkan sebagai Mu'aazin Terbaik dalam Pertandingan Alunan Azan yang dianjurkan.

Majlis yang disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Maktar Shapee itu turut mengadakan pemberian wang zakat kepada keluarga yang kurang berkemampuan. Hadir sama, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Acheh, Mohd. Kamil Abu Bakar.

# Hasrat warga emas duduki rumah sendiri tercapai

**PENANTI –** Hasrat dua warga emas untuk menduduki rumah sendiri akhirnya tercapai hasil insiatif khas Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kubang Ulu/ Kuala Mengkuang di sini baru-baru ini.

Warga emas, Khalijah Man, 65, dan Tan Han Eng, 67, ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Dalam Program Bantuan Rumah di Kuala Mengkuang menyatakan bahawa mereka berasa cukup gembira dengan bantuan diberikan berkenaan. Tambahan pula, rumah tersebut turut dilengkapi kemudahan air dan elektrik.



MANSOR Othman (kiri sekali) menyerahkan replika kunci rumah kepada Tan Han Eng (dua dari kanan) sambil diperhatikan Khalijah Man (dua dari kiri) pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Dalam Program Bantuan Rumah di Kuala Mengkuang di sini baru-

Menurut Khalijah yang mengambil upah sebagai penoreh getah, sebelum ini, beliau hanya tinggal menumpang di tanah orang sejak puluhan tahun lalu dengan keadaan rumah yang sangat daif bersama keluarganya.

"Saya tidak pernah bermimpi untuk menduduki rumah yang selesa dan sempurna. Ini kerana, sejak 40 tahun lalu saya hanya menumpang rumah di tanah orang.

"Saya selalu mengimpikan rumah sendiri, namun, ianya mustahil bagi saya kerana pendapatan mengambil upah menoreh getah hanya sekadar cukup untuk belanja keperluan saja," katanya di sini baru-baru ini yang menyatakan bahawa nasibnya berubah selepas lawatan serta bancian yang dibuat pihak JKKK Kubang Ulu/Kuala Mengkuang yang diketuai Pengerusinya, Azmi Abdullah sebelum ini.

Majlis tersebut telah disempurnakan Timbalan Ketua Menteri I yang juga merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Datuk Mansor Othman diiringi Penghulu Dewan Undangan Negeri (DUN) Penanti, Suhaidi Sulaiman.

Sementara itu, bagi Han Eng, beliau amat terharu di atas sumbangan rumah bernilai RM33,000 tersebut dan berterima kasih kepada pihak yang membantunya.

"Terima kasih Datuk (Mansor). Terima kasih (Lim) Guan Eng. Saya orang Cina miskin sangat terima kasih pada kerajaan (negeri) ini. Saya seronok," katanya.




SEBAHAGIAN ahli KERABAT tidak melepaskan peluang bergambar kenang-kenangan bersama Abdul Halim Hussain (hadapan, enam dari kanan) dan Yusmadi Yusoff (hadapan, tiga dari kiri) pada Majlis Pelancaran dan Penyampaian Sumbangan KERABAT di Dewan Bailora Mastika di sini baru-baru ini.

# KERABAT teruskan pendaftaran ahli baru

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PULAU BETONG –** Bagi membela nasib pesara-pesara tentera, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong telah mengambil inisiatif khas untuk meneruskan pendaftaran ahli-ahli baru pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Persatuan Kebajikan Rangkaian Bekas Angkatan Tentera Malaysia (KERABAT) di sini baru-baru ini.

Menurut PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail berkata, penubuhan persatuan tersebut adalah atas keperihatinan dan kesedaran berhubung nasib yang menimpa pesara-pesara tentera.

"Penubuhan persatuan ini adalah ekoran pelaksanaan Persatuan Bekas Parajurit yang dilihat tidak mampu mengubah nasib ahlinya.

"Oleh itu, kita prihatin dan sedar mengenai isu ini. Maka pada hari ni, kita adakan pendaftaran KERABAT dan penerangan kepada pesara tentera ini mengenai betapa pentingnya bernaung di bawah KERABAT," kata Mohd. Tuah pada Majlis Pelancaran dan Penyampaian Sumbangan KERABAT di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain; Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman; Ahli Parlimen Balik Pulau, Yusmadi Yusoff; Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Abdul Malik Abul Kassim; Ahli Dewan Undangan Negeri Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin dan Pengerusi KERABAT Pulau Betong, Ghazali Hashim.

Turut disampaikan dalam majlis sama adalah sumbangan khas kepada keluarga pesara tentera dan balu anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang kurang bernasib baik dan kurang berkemampuan.

"Kita yakin, KERABAT mampu membela nasib bekas tentera dari pelbagai perkhidmatan sama ada darat, udara mahupun air," ujar Mohd. Tuah yang turut menyatakan bahawa sehingga hari ini jumlah keahlian KERABAT di Pulau Pinang telah mencecah lebih daripada 700 ahli.

# Hulurkan bantuan, ringankan beban

**PRIHATIN...** Nasib seorang warga emas yang menyara isteri serta empat anaknya dengan mengambil upah memotong rumput telah mendapat perhatian khas Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Telok Air Tawar, Salehin Mohamed di sini baru-baru ini.

Ekoran itu, Salehin telah mengadakan lawatan khas dengan menyampaikan sumbangan berupa barangan makanan kepada warga emas berusia 64 tahun, Abdullah Udoh yang menetap di Kampung Bagan Belat, Telok Air Tawar berkenaan.

Menurut Salehin, Abdullah terpaksa menyara empat orang anaknya yang masih bersekolah walaupun pendapatannya sebagai pemotong rumput tidak seberapa dan tidak tetap. Malah, isterinya juga tidak bekerja dan mereka tidak mempunyai sumber pendapatan lain, selain bergantung kepada pendapatan Abdullah.

Dalam pada itu, keluarga Abdullah juga memohon bantuan bagi membaiki kediaman mereka yang serba kekurangan dan usang serta bantuan sara hidup. Bagi yang ingin menghulurkan bantuan, sila hubungi Salehin Mohamed di talian 017-427 1581 atau emel beliau di pjd_403@ ymail.com.

SALEHIN Mohamed (kiri sekali) bersama pembantunya, Alif Fitri (kanan sekali) ketika mengadakan program ziarah dan lawat ke kediaman Abdullah Udoh (dua dari kiri) di Kampung Bagan Belat, Telok Air Tawar di sini baru-baru ini.



# PULAU PINANG BERUBAH

## SEKOLAH AGAMA RAKYAT AL-AMINIAH, PERMATANG PAUH







| **DAHULU** (Kerajaan Barisan Nasional) | **SEKARANG** (Kerajaan Pakatan Rakyat) |
|---|---|
| Peruntukan Hal Ehwal Agama Islam<br>RM12.5juta | Peruntukan Hal Ehwal Agama Islam<br>2009: RM20.50juta<br>2010: RM24.30juta<br>2011: RM33.33juta<br>2012: RM64.00juta |
| Peruntukan Tahunan untuk SAR<br>TIADA | Peruntukan Tahunan untuk SAR<br>2009: RM1.50juta<br>2010: RM1.75juta<br>2011: RM1.75juta |
| Peruntukan Guru KAFA<br>TIADA | Peruntukan Guru KAFA<br>RM100,000 setahun |